

# 3 jam periksa eksibit ada kaitan 1MDB

BH - 23/2/2020 ml: 9

Najib, Rosmah ditemani anak, peguam periksa fizikal barangan di BNM

Oleh Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, selesai menjalankan pemeriksaan secara fizikal ke atas barang yang didakwa berhubung kait dengan siasatan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB), di Bank Negara Malaysia (BNM), semalam.

Najib dan Rosmah hadir bersama dengan anak mereka, Nooryana Najwa, kira-kira jam 9.15 pagi menaiki Proton Perdana hitam.

Najib dan Rosmah tiba di BNM dengan menaiki ken-

deraan berasingan.

Timbalan Ketua Pasukan Siasatan Jenayah Pengubahan Wang Haram (AMLA) Urusetia Ketua Polis Negara Bukit Aman, Asisten Komisioner Amran Yaacob, berkata pasangan terbabit bersama anaknya selesai menjalankan pemeriksaan eksibit kes kira-kira jam 12.45 tengah hari.

"Mereka ditemani pe-

guam masing-masing. Pada peringkat kita, proses itu berjalan lancar.

"Sama ada akan ada pemeriksaan semula atau tidak, kita belum menerima apa-apa arahan lagi," katanya.

Terdahulu, kira-kira 20 pengamal media menunggu di luar pekarangan BNM bagi mendapatkan reaksi Najib dan Rosmah berhubung barang rampasan berkenaan.

Pada 3 Februari lalu, Mahkamah Tinggi membenarkan Najib dan keluarganya untuk menjalankan pemeriksaan secara fizikal ke atas barang yang didakwa berhubung kait dengan kes 1MDB.

Dalam penghakimannya, Hakim Mohamed Zaini, memerintahkan pendakwa raya membenarkan Najib, Rosmah dan Nooryana memeriksa barang berkenaan secara fizikal dan pemeriksaan itu dilakukan di premis yang ditetapkan oleh pihak pendakwaan, selain hanya dilakukan sekali dalam tempoh dua minggu dari tarikh perintah dikeluarkan.

 **Pada peringkat kita, proses itu berjalan lancar. Sama ada akan ada pemeriksaan semula atau tidak, kita belum terima apa-apa arahan lagi.**

**Amran Yaacob,**  
Timbalan Ketua Pasukan Siasatan Jenayah AMLA, Urusetia Ketua Polis Negara Bukit Aman